

To assist businesses and households impacted by the COVID-19 outbreak, Bank Negara Malaysia (BNM) is allocating RM3.3 billion of financing facilities under BNM's Fund for SMEs to provide support for SMEs in sustaining business operations, safeguard jobs and encourage domestic investments.

Features of BNM's Financing Facilities to Assist Malaysian SMEs

	Special Relief Facility (SRF)	Agrofood Facility (AF)	SME Automation and Digitalisation Facility (ADF)
Allocation	RM2 billion	RM1 billion	RM300 million
Objective	Alleviate short-term cash flow problems faced by SMEs affected by the COVID-19 outbreak	Increase food production for Malaysia and for export purposes	Incentivise SMEs to automate processes and digitalise operations to increase productivity and efficiency
Eligibility	Malaysian SMEs ^[1] adversely affected by COVID-19	Malaysian SMEs	Malaysian SMEs
Purpose	Working capital	<ul style="list-style-type: none"> • Capital expenditures • Working capital • Development of agriculture projects 	Purchase of equipment, machinery, computer hardware and software, IT solutions and services, technology support services and other intangible assets to enhance productivity and efficiency
Financing rate	Up to 3.75% p.a. (inclusive of any guarantee fee)	Up to 3.75% p.a. (inclusive of any guarantee fee)	4% p.a. (inclusive of any guarantee fee)
Maximum financing amount	RM1 million per SME	RM5 million per SME	RM3 million per SME
Maximum tenure	5.5 years, including 6 months moratorium on repayments	8 years	10 years
Availability	6 Mar 2020 to 31 Dec 2020	From 6 Mar 2020 onwards	6 Mar 2020 to 31 Dec 2020

Interested SMEs can apply directly to participating financial institutions which comprise commercial banks, Islamic banks and development financial institutions regulated by BNM. They may also apply online through the business financing referral platform at imsme.com.my.

Participating financial institutions can obtain guarantee coverage from the Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC) or Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) for these facilities.

Bagi membantu perniagaan dan isi rumah yang terjejas oleh wabak COVID-19, Bank Negara Malaysia (BNM) memperuntukkan kemudahan pembiayaan berjumlah RM3.3 bilion di bawah Tabung BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kemudahan pembiayaan ini bertujuan untuk menyediakan sokongan kepada PKS dalam meneruskan operasi perniagaan, mengekalkan pekerjaan dan menggalakkan pelaburan dalam negeri.

Ciri-ciri Kemudahan Pembiayaan BNM untuk Membantu PKS Malaysia

	Kemudahan Bantuan Khas (SRF)	Kemudahan Agromakanan (AF)	Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF)
Peruntukan	RM2 bilion	RM1 bilion	RM300 juta
Objektif	Meringankan beban aliran tunai jangka pendek yang dihadapi PKS yang terjejas oleh wabak COVID-19	Meningkatkan pengeluaran makanan negara dan untuk eksport	Menggalakkan PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
Kelayakan	PKS ^[1] Malaysia yang terjejas oleh COVID-19	PKS Malaysia	PKS Malaysia
Tujuan	Modal kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan modal • Modal kerja • Pembangunan projek pertanian 	Membeli kelengkapan, mesin, perkakasan dan perisian komputer, solusi dan perkhidmatan IT, perkhidmatan sokongan teknologi dan aset tak ketara lain untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan
Kadar pembiayaan	Sehingga 3.75% setahun (termasuk sebarang fi jaminan)	Sehingga 3.75% setahun (termasuk sebarang fi jaminan)	4.00% setahun (termasuk sebarang fi jaminan)
Jumlah pembiayaan maksimum	RM1 juta setiap PKS	RM5 juta setiap PKS	RM3 juta setiap PKS
Tempoh pembiayaan maksimum	5.5 tahun, termasuk 6 bulan penangguhan (moratorium) bayaran balik pembiayaan	8 tahun	10 tahun
Tempoh penyediaan kemudahan	6 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020	Mulai 6 Mac 2020	6 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020

PKS yang berminat boleh memohon terus daripada institusi kewangan peserta yang terdiri daripada bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia oleh BNM. PKS juga boleh membuat permohonan secara dalam talian menerusi platform rujukan pembiayaan perniagaan di imsme.com.my.

Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) bagi kemudahan pembiayaan ini.